

KENAPA SILAT MAHU DIKECUALIKAN?

NASIB MASADÉPAN seni silat asli Melayu kini menjadi tandatanya. Setengah-setengah guru silat dan ketua-ketua badan silat telah melahirkkan rasa bimbang mereka bahawa mereka tidak terupaya untuk memenuhi syarat-syarat yang terkandung dalam Undang-Undang Pengerahan Seni Mempertahankan Diri di Republik Ini, yang berjalan kuatkuasanya mulai 2 September yang lalu. Salah satu syarat pokok dalam undang-undang itu mewajibkan semua guru silat dan mereka yang ingin mempelajari ilmu seni mempertahankan diri itu mendaftarkan diri kepada pihak pendatar Pemerintah. Seorang guru silat hendaklah membayar wang daftar sebanyak \$100 setahun, \$5 setahun bagi ahli-ahli silat biasa, sementara badan atau pertubuhan silat itu sendiri diharuskan membayar sebanyak \$50. Mereka yang gagal mendaftarkan diri, mengikut syarat-syarat tersebut, boleh dihukum denda maksima \$2,000 dan hukuman penjara maksima enam bulan. Orang-orang yang menguruskan sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar boleh dikenakan denda maksima \$4,000 dan hukuman jel maksima lima tahun.

13 OCT 1974

Kebimbangan mereka itu memanglah wajar. Berbeza dengan seni silat mempertahankan diri yang lain, mereka berhujah, seni silat Melayu yang asli tidak mempunyai unsur-unsur komersil. Tetapi jangan lupa. Seni silat yang lain itu juga — mula asalnya — bukan berunsurkan komersil. Hanya setelah ia bertonjangkan komersilsemalah, hanya setelah anasir-anasir jahat menggunakannya untuk tujuan yang jahat sajalah, maka baru Pemerintah merasa perlu untuk mengatkuasakan syarat-syarat yang ketat bagi mengawalnya. Belum lagi ada sebuah pun pertubuhan atau badan komersil yang khusus memperdagangkannya sejauh ini. Yang ada — dan paling banyak — ialah seksi-seksi dari pertubuhan-pertubuhan budaya, yang mengajarkan seni silat itu sebagai salah satu kegiatan budayanya. Hanya ada sebuah saja pertubuhan silat Melayu yang menggunakan nama itu. Tetapi ia lebih bertonjangkan kepada unsur-unsur ilham rohaniah.

★
Sekarang timbul pertanyaan: Oleh kerana kita menganggap seni silat tidak berunsurkan komersilsem dan ia lebih merupakan kegiatan seni saja seperti seni tari, drama, lukisan dan sebagainya, adakah kita bermaksud agar seni silat Melayu itu dikecualikan dari undang-undang tersebut? Hujah-hujah kita harus didokong oleh alasan yang kukuh dan kuat untuk meyakinkan pihak yang berkuasa supaya menerimanya. Tetapi bagaimana kita dapat mengatkuasakan, mengumpulkan hujah dan alasan, kalau kita masih berpecah-pecah. Seni silat Melayu belum lagi mempunyai sebuah badan pengawal yang sendiri. Oleh itu, langkah yang paling wajar — kalau benar-benar sirtus — ialah mengadakan mesyuarah. Majlis Pusat tidak harus bersedia membuat seruan dan memanggil mereka yang berkenaan supaya mendatanginya saja. Ia sendiri — kalau benar-benar ia sirtus — hendaklah mengambil inisiatif menganjurkan mesyuarah itu.

JANGAN SALAH LANGKAH LAGI

PABILA TARIKH terakhir bagi pendataran mengikut Akta Seni Mempertahankan Diri ditutup pada 2 Disember lalu, maka tidak ada sesiapa antara ahli-ahli silat atau pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab mengadakan kegiatan-kegiatan seni silat itu dapat berkata bahawa mereka tidak diberi tempoh dan masa yang cukup untuk berbuat demikian. Apabila kuatkuasanya pada 2 September lalu, begitu banyak penerangan dan pablisiti telah diterbitkan, menarik perhatian mereka yang terlibat itu supaya berdaftar dengan Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri di Kementerian Halehwal Dalam Negeri. Tetapi bila tarikh itu ditutup Isnin lalu, hanya sepuluh buah badan saja yang telah memohon untuk berdaftar. Belum ada sebarang permohonan yang ditolak sejauh ini.

Amaran keras yang dikeluarkan oleh pihak Unit Kawalan itu, sebenarnya, supaya ingatan lanjut kepada mereka yang masih belum mendaftarkan diri, supaya berbuat demikian secepat mungkin. Pemeriksaan-pemeriksaan akan dilakukan secara menjut dari masa ke masa untuk memastikan agar tidak ada sesiapa yang memajukan kegiatan-kegiatan seni mempertahankan diri itu tanpa lebih dulu memperoleh pengesahan terhadap permohonan pendatarannya. Mereka yang melanggar undang-undang itu akan menerima hukuman yang setimpal — denda dan penjara, seperti yang termaktub dalam Akta tersebut. Sejalan ini belum lagi adakan kejadian di mana mereka yang engkar itu akan diheret ke muka mahkamah. Tapi tidakkah memranjatkan kalau pihak yang berkuasa akan cuba menyeret se-silapa juga ke muka pengadilan — sekurang-kurangnya sebagai satu kes ujian atau sebagai satu amaran lanjut bahawa pihak berkuasa memandang hal itu sebagai satu perkara yang sirtus.

Tidaklah perlu diulang-ulang lagi bahawa tujuan Akta atau peraturan baru itu bukan untuk mengekang atau menekan penyilaban seni silat itu. Sebaliknya, ia bermaksud untuk memelihara supaya lebih terjamin dan lebih terkawal agar tidak jatuh ke tangan orang-orang yang hendak memperkosanya dengan menggunakan ilmu itu untuk niat-niat yang jahat dan ganas. Di samping itu, usaha yang dijalankan oleh Majlis Bukan Kebangsaan yang mengambl inisiatif untuk membentuk sebuah badan bagi mengawal seni silat Melayu haruslah dipuji. Selama ini, seni silat Melayu begitu terbiar dan diajar serta disebarkan oleh orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan-kelayakan yang tertentu. Sesiapa saja yang tahu serba sedikit mengenai seni silat, boleh mengajar dan bergelar guru silat. Semoga hendaknya, dengan adanya badan pengawal tadi, seni silat Melayu bukan saja ikut terlindung dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab, bahkan akan dapat dipertinggi lagi mutu dan penyalarasannya — supaya ia dapat disetandingkan dengan ilmu seni silat lain yang sedang berkembang begitu pesat di seluruh dunia.